



SIARAN AKHBAR

BANTUAN GERAN SEHINGGA RM100 RIBU UNTUK USAHAWAN INDIA KEMBALI DIBUKA DENGAN SYARAT KELAYAKAN DIPERMUDAH

KUALA LUMPUR, 9 April 2025 – Permohonan bantuan kewangan berbentuk geran padanan sehingga RM100,000 di bawah *Business Accelerator Programme for Indian Small Business* (I-BAP) kembali dibuka mulai 7 April 2025 dengan syarat kelayakan yang telah dipermudah. **Sebagai usaha untuk menggalakkan lebih banyak PMKS mendapat manfaat, syarat kelayakan yang menetapkan perniagaan dengan jualan tahunan melebihi RM300,000 setahun sahaja yang layak memohon I-BAP sebelum ini telah DIMANSUHKAN.**

Program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui SME Corp. Malaysia ini bertujuan meningkatkan keupayaan syarikat milikan kaum India menerusi khidmat nasihat perniagaan dan sokongan kewangan. Bantuan di bawah I-BAP merangkumi perbelanjaan untuk perolehan mesin dan peralatan bagi meningkatkan kualiti produk serta produktiviti dan kecekapan pengeluaran, adaptasi ICT dan eDagang, penerapan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), pensijilan produk serta pengiklanan dan promosi.

YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam kenyataannya kepada media memaklumkan, berikutan sambutan yang menggalakkan dalam kalangan usahawan India, permohonan untuk I-BAP telah dibuka semula secara dalam talian. Selain tiada lagi ketetapan had minimum jumlah jualan tahunan, I-BAP telah dipermudahkan dengan keutamaan diberi kepada projek yang telah selesai dilaksanakan dan telah membuat pembayaran kepada pembekal bermula 1 Jun 2024. Bagi usahawan India yang ingin memohon bantuan di bawah I-BAP ini, mereka perlu mempunyai Sijil Akuan Status PMKS yang

sah tempoh dan pemohon yang memohon projek berkaitan adaptasi ESG perlulah menjalani Penilaian ESG PMKS.

“Bantuan bersasar khusus untuk usahawan India melalui I-BAP membuktikan komitmen Kerajaan Perpaduan dalam meningkatkan pembangunan komuniti India sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI yang menyasarkan pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama dan inklusif. Melalui prinsip kesaksamaan dan keterangkuman ditekankan di bawah Malaysia MADANI, Kerajaan yakin pendekatan ini berupaya mengurangkan jurang ekonomi antara kaum,” katanya.

Menurut YBrs. Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia pula, sehingga kini, sebanyak 48 syarikat telah diluluskan geran yang berjumlah RM2.96 juta di bawah I-BAP. Sebahagian besar penerima I-BAP merupakan perusahaan bersaiz kecil dan bantuan kepada kumpulan ini diharap berupaya membantu menaik taraf perniagaan mereka sejajar dengan hasrat SME Corp. Malaysia memberikan tumpuan terhadap penskalaan PMKS dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) kelak khususnya bagi meningkatkan bilangan perusahaan bersaiz sederhana kepada 5 peratus berbanding 1.8 peratus ketika ini.

Permohonan baharu bagi program I-BAP akan dibuka selama dua (2) minggu atau sehingga penerimaan permohonan mencapai jumlah komitmen maksimum yang diperuntukkan. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kriteria kelayakan dan syarat permohonan I-BAP, usahawan boleh melayari laman sesawang di pautan www.smecorp.gov.my dan saluran media sosial rasmi SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA

(SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral

Jalan Stesen Sentral 2

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Tel : 603-9213 0077

Faks : 603-2775 6001

E-mel : info@smeCorp.gov.my

Laman sesawang: www.smeCorp.gov.my

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)

Tel : 03-2775 6290

E-mel : suraini@smeCorp.gov.my